

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | 12 negara minat guna modul pengurusan TH | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 03 Jul 2014 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 314,000 |
| Page No | 18 | Readership | 942,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 332 cm ² |
| Journalist | Mofid Johari Ibrahim | AdValue | RM 11,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,200 |



12 negara minat guna modul pengurusan TH

» *Pengalaman organisasi kendali dana, jemaah haji, umrah jadi contoh*

Mohd Johari Ibrahim

joib@bh.com.my

↳ Makkah



Sebanyak 12 negara menyatakan minat untuk mengguna pakai modul pengurusan dana dan jemaah haji serta umrah oleh Lembaga Tabung Haji (TH).

Selain beberapa negara Afrika seperti Nigeria dan Senegal, negara lain termasuk Maldives, Filipina, Kazakhstan, Tatarstan dan Australia.

Pengerusi TaHa Alam Sdn Bhd (TaHa Alam), Tan Sri Hashim Meon, berkata pengalaman 50 tahun TH mengendalikan dana dan pengurusan jemaah haji serta umrah terutama berhubung logistik dan makanan ketika di Makkah, menarik minat negara berkenaan menggunakan khidmat ditawarkan TaHa Alam.

Beliau berkata, daripada negara terbabit, TaHa Alam dalam peringkat perbincangan serius dengan Filipina, Tatarstan dan Maldives.

TaHa Alam yang ditubuhkan pada tahun 2012 adalah syarikat usaha sama anak syarikat TH, thetaedge Berhad dan cabang Bank Pembangunan Islam (IDB)

yang berpangkalan di Jeddah, Islamic Corporation For The Development Of The Private Sector (ICD).

Penubuhan syarikat itu membolehkan TH mengorak langkah berkongsi pengalamannya, terutama dengan 56 negara Islam yang menjadi ahli IDB secara lebih strategik.

Hashim berkata, buat permulaan, tiga bidang perkhidmatan yang ditawarkan syarikat itu ialah perundingan, latihan dan logistik jemaah haji di Makkah, menggunakan modul TH yang mendapat pengiktirafan banyak pihak.

“Bagi tempoh jangka panjang, TaHa Alam berharap dapat membantu mewujudkan organisasi pengurusan haji yang sama fungsinya dengan TH di negara Islam ahli IDB. Fokus utama TaHa Alam ialah menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan membantu negara Islam serta negara lain secara formal berkaitan urusan haji.

Tumpu 56 negara anggota IDB

“Kita tumpukan dulu kepada 56 negara anggota IDB dan memaklumkan bahawa TH berminat untuk membantu. Usaha menubuhkan organisasi seperti TH di negara berkaitan bukan tugas mudah kerana mungkin mem-

babitkan peraturan tertentu di negara berkenaan, namun usaha masih boleh dilakukan,” katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Katanya, modul pengurusan jemaah haji oleh TH menarik perhatian banyak pihak kerana membabitkan dana yang besar, iaitu RM48 bilion pada masa ini, membabitkan 8.4 juta penyimpan.

Justeru, beliau berkata, musim haji tahun 2014 akan menjadi platform penting untuk TaHa Alam mempromosi perkhidmatannya secara agresif dengan aritara usaha itu ialah membimbing pegawai dari negara terbabit termasuk menerusi kursus dan mendedahkan mereka kepada operasi TH.

Hashim berkata, banyak negara berminat dengan operasi TH sehingga mengambil inisiatif melawat ibu pejabat agensi terbabit di Kuala Lumpur, tetapi minat berkenaan ‘hilang’ selepas itu kerana tiada susulan.

“Matlamat akhir usaha kita ialah membantu mengurangkan kos haji yang ditanggung oleh jemaah di negara berkenaan dan ia juga satu bentuk dakwah,” katanya sambil menambah, TaHa Alam ketika ini lebih fokus kepada usaha mempromosi perkhidmatannya berbanding memikirkan pulangan kepada syarikat.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | 12 negara minat guna modul pengurusan TH | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 03 Jul 2014 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 314,000 |
| Page No | 18 | Readership | 942,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 332 cm ² |
| Journalist | Mofid Johari Ibrahim | AdValue | RM 11,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,200 |



“

Pengalaman 50 tahun TH mengendalikan dana dan pengurusan jemaah haji serta umrah terutama berhubung logistik dan makanan ketika di Makkah, menarik minat negara berkenaan menggunakan khidmat ditawarkan TaHa Alam”

Hashim Meon,
Pengerusi TaHa Alam